



KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA

# POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

# POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

**DITERBITKAN OLEH:**



**UNIT INTEGRITI  
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)**

Aras 7,8 & 9 Blok D9, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546, W.P Putrajaya

No. Tel : 03-88703760

No.Faks : 03-88905540

Laman Web : [www.rela.gov.my](http://www.rela.gov.my)

CETAKAN PERTAMA: 22 NOVEMBER 2022

CETAKAN KEDUA: 11 DISEMBER 2022

## PERUTUSAN KETUA PENGARAH JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)



*A*ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.

Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023 telah mengenal pasti antara punca utama perlakuan rasuah merupakan kelemahan pentadbiran dan percanggahan kepentingan. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) juga berpotensi tinggi terlibat dalam percanggahan kepentingan ketika menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Oleh yang demikian, demi menyahut seruan Kerajaan dalam menangani percanggahan kepentingan, RELA telah melaksanakan perlbagai usaha dan inisiatif antaranya membangunkan **Polisi Percanggahan Kepentingan**.

Polisi ini bertujuan untuk memberi panduan kepada warga RELA berkaitan tatacara pengurusan percanggahan kepentingan dalam pelaksanaan tugas awam dan urusan rasmi. Polisi ini juga boleh menjadi rujukan kepada pihak ketiga yang berurusan dengan RELA bagi mengelakkan percanggahan kepentingan oleh warga RELA yang menjurus kepada pelanggaran tatakelakuan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tataterib) 1993.

Harapan saya dengan pelaksanaan Polisi ini dapat menjadikan RELA sebagai sebuah Jabatan yang bebas perlakuan rasuah dan mengutamakan amalan kerja yang telus dan amanah.

Sekian, terima kasih.

**DATUK KPJR YAHYA BIN SULAIMAN**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)  
Kementerian Dalam Negeri  
Tarikh: 22/11/2022

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1. Pengenalan	3
2. Tujuan	3
3. Pemakaian dan Penguatkuasaan	3
4. Tafsiran	3
5. Pernyataan Polisi	6
6. Pengisytiharan Kepentingan	7
7. Percanggahan Kepentingan Oleh Anggota Pentadbiran	8
8. Pematuhan	8
9. Pertanyaan dan Pelaporan	9
10. Tarikh Kuatkuasa	9
11. Penutup	9
12. Rujukan	9
13. Lampiran	

## **1. PENGENALAN**

Ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam, warga Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) mungkin berada pada situasi percanggahan kepentingan yang menyebabkan mereka tidak dapat bertindak secara objektif, telus dan tepat sekaligus menjejaskan proses membuat keputusan secara adil dan saksama berkaitan urusan rasmi kerajaan.

## **2. TUJUAN**

Polisi ini diwujudkan sebagai satu garis panduan kepada warga RELA dalam mendepani isu dan permasalahan berkaitan percanggahan kepentingan.

## **3. PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN**

**3.1** Polisi ini terpakai dan dikuatkuasakan kepada semua pegawai, kakitangan dan anggota RELA termasuk Ahli Kehormat dan Bersekutu RELA (AKBR).

**3.2** Polisi ini juga haruslah dijadikan panduan kepada semua penjawat awam, pemimpin kerajaan, individu berpengaruh, rakan niaga/pemegang taruh ataupun mana-mana individu/organisasi yang berurusan dengan warga RELA ataupun menggunakan mana-mana perkhidmatan dan fasiliti RELA.

## **4. TAFSIRAN**

### **4.1 PERCANGGAHAN KEPENTINGAN**

Apa-apa tingkah laku atau cara yang boleh menyebabkan pegawai membiarkan kepentingan peribadi bercanggah dengan kepentingan

awam atau menggunakan kedudukan sebagai penjawat awam bagi faedahnya sendiri, saudara, sekutu atau benifisiari.

## **4.2 WARGA RELA**

4.2.1 Merujuk kepada pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di RELA sama ada menerusi lantikan tetap, sementara, pinjaman, kontrak atau sambilan.

4.2.2 Maksud ini juga merangkumi anggota RELA di bawah Subseksyen 7(1) serta Ahli Kehormat dan Bersekutu RELA di bawah Seksyen 23, Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752).

## **4.3 SAUDARA DAN SEKUTU**

4.3.1. Merujuk kepada tafsiran “saudara” di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694), “saudara” berhubungan dengan seseorang, ertinya:

- a) isteri atau suami orang itu;
- b) adik atau abang atau kakak orang itu;
- c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- f) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);

- g) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- h) menantu orang itu.

4.3.2. Merujuk kepada tafsiran “sekutu” di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694], “sekutu” berhubungan dengan seseorang, ertinya:

- a) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
- b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya;
- d) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau
- e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika –
  - i. amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau

- ii. nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.

#### **4.4 ANGGOTA PENTADBIRAN**

Merujuk kepada tafsiran “Anggota Pentadbiran” di bawah Fasal (2), Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan.

#### **4.5 PIHAK KETIGA**

Kontraktor, vendor, pembekal, konsultan, penyedia perkhidmatan, organisasi, rakan strategik, pasukan sahabat, persatuan, kelab, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau mana-mana pihak termasuk individu atau orang perseorangan yang berurusan dengan RELA.

#### **4.6 URUSAN KERAJAAN**

Semua urusan Kerajaan seperti perolehan, pengurusan sumber manusia, pengurusan keahlian keanggotaan, pengurusan pelesenan persenjataan, pengurusan pembayaran elaun, pengurusan penugasan dan operasi dan sebagainya.

### **5. PERNYATAAN POLISI**

- 5.1 RELA sentiasa bersedia memberi komitmen dan kerjasama sepenuhnya untuk memastikan integriti, tadbir urus yang baik dan ketelusan menjadi tunjang dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.



5.2 Sejalan dengan komitmen tersebut, semua warga RELA adalah **DILARANG** untuk:

- i. mempunyai apa-apa **kepentingan peribadi** dengan pihak ketiga yang terlibat dengan sebarang urusan rasmi di RELA;
- ii. menyalurkan apa-apa **maklumat terperingkat** berkaitan RELA yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi di RELA;
- iii. menjalankan apa-apa bentuk transaksi dengan menggunakan **akaun peribadi** dengan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di RELA;
- iv. menerima **balasan/komisyen/upah dalam apa-apa bentuk** daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di RELA; dan
- v. menggunakan **kedudukan rasmi** untuk maksud kemajuan kerjaya sendiri, kemajuan perniagaan pihak ketiga dan sekutu di RELA.

## 6. PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

6.1 Warga RELA yang mempunyai percanggahan kepentingan dalam mana-mana proses kerja **hendaklah mengisytiharkan** kepentingannya secara bertulis kepada Ketua Jabatan dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran 1 atau Lampiran 2**.

6.2 Ketua Jabatan **hendaklah menggantikan** mana-mana warga RELA yang telah mengisytiharkan kepentingannya dengan pegawai yang tidak mempunyai kepentingan dalam proses kerja tersebut.

6.3 Warga RELA yang mempunyai percanggahan kepentingan dan terlibat **membuat keputusan** dalam mana-mana mesyuarat **hendaklah mengisytiharkan** kepentingannya secara lisan kepada mesyuarat serta **meninggalkan mesyuarat** tersebut.

- 6.4 Urus setia mesyuarat **hendaklah merekodkan** dalam minit mesyuarat berkenaan pengisytiharan kepentingan dan tindakan pegawai tersebut meninggalkan sesi mesyuarat.

## **7. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN OLEH ANGGOTA PENTADBIRAN**

- 7.1 Kod Etika bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen yang dikeluarkan pada Disember 2018 menetapkan bahawa Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen hendaklah memastikan tidak berlaku percanggahan kepentingan antara jawatan awamnya dengan kepentingan peribadinya.
- 7.2 Hal ini kerana percanggahan kepentingan boleh berlaku akibat pengaruh dan kuasa yang ada pada Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen yang mempunyai kuasa Legislatif dan Eksekutif seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
- 7.3 Anggota Pentadbiran hendaklah mengisytiharkan kepentingan mereka sekiranya dalam menjalankan tugas-tugas rasmi, mereka berhadapan dengan kepentingan peribadi yang bercanggah dengan kepentingan awam.

## **8. PEMATUHAN**

- 8.1. Kegagalan dan keengganan warga RELA mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- 8.2. Manakala, Pelanggaran Polisi ini oleh pihak ketiga akan dimaklumkan kepada Perbendaharaan Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana Badan Pengawal yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

## 9. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Ketua Pengarah  
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)  
Aras 7, 8 & 9, Blok D9  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546 Putrajaya  
u.p. Ketua Unit Integriti

E-mel: [integritirela@rela.gov.my](mailto:integritirela@rela.gov.my)

## 10. TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan RELA berkuatkuasa mulai tarikh polisi ini dikeluarkan.

## 11. PENUTUP

Pelaksanaan Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan ini mencerminkan komitmen dan kesungguhan RELA dalam menerapkan nilai-nilai murni, integriti yang tinggi dan amalan terbaik dalam semua aspek penyampaian perkhidmatan RELA selaras dengan Pelan Anti Rasuah Jabatan Sukarelawan Malaysia 2020-2024. Pelaksanaan polisi ini juga penting ke arah pensijilan *Anti Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001: 2006*.

## 12. RUJUKAN

- i. Perlembagaan Persekutuan
- ii. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- iii. Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752)
- iv. Peraturan-Peraturan Penjawat Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
- v. Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran Dan Ahli Parlimen, Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan pada Disember 2018

vi. Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023

vii. Pelan Anti Rasuah Jabatan Sukarelawan Malaysia 2020-2024

**AKU JANJI KONFLIK KEPENTINGAN**

Kepada Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)

1. Saya .....  
No. KP ..... dengan ini mengaku bahawa saya tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan yang melibatkan saudara dan sekutu (merujuk kepada tafsiran dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 – Akta 694) semasa menjalankan tugas rasmi di Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).
2. Saya juga berjanji bahawa sekiranya saya mempunyai konflik kepentingan dalam mana-mana tugas rasmi, saya hendaklah mengisytiharkan kepentingan tersebut secara bertulis kepada Ketua Jabatan dan menarik diri daripada terlibat dalam urusan rasmi berkenaan.
3. Saya akur sekiranya mengingkari janji ini atau didapati telah memberikan maklumat palsu untuk menutup kepentingan semasa menjalankan tugas rasmi, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

Tandatangan Pegawai : .....  
Nama : .....  
Jawatan : .....  
Tempat Bertugas : .....  
Tarikh : .....

*Nota : Borang ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Jabatan dan direkodkan*

## **Contoh Lampiran 1: Pengisian Borang**

### **AKU JANJI KONFLIK KEPENTINGAN**

Kepada Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)

1. Saya **Ali Bin Abu** No. KP **791028-01-5555** dengan ini mengaku bahawa saya tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan yang melibatkan saudara dan sekutu (merujuk kepada tafsiran dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 – Akta 694) semasa menjalankan tugas rasmi di Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).
2. Saya juga berjanji bahawa sekiranya saya mempunyai konflik kepentingan dalam mana-mana tugas rasmi, saya hendaklah mengisytiharkan kepentingan tersebut secara bertulis kepada Ketua Jabatan dan menarik diri daripada terlibat dalam urusan rasmi berkenaan.
3. Saya akur sekiranya mengingkari janji ini atau didapati telah memberikan maklumat palsu untuk menutup kepentingan semasa menjalankan tugas rasmi, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

Tandatangan Pegawai : **Ali**  
Nama : **Ali Bin Abu**  
Jawatan : **791028-01-5555**  
Tempat Bertugas : **Unit Integriti**  
Tarikh : **7 September 2022**

*Nota : Borang ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Jabatan dan direkodkan*



## BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

Saya\_No. K/P:\_\_\_\_\_dengan ini mengisytiharkan bahawasanya saya mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung dalam proses kerja atau perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan kepentingan dengan tugas-tugas saya sebagai pegawai/kakitangan RELA. Butir-butir proses kerja atau perkara berkenaan dinyatakan seperti berikut:

Individu/Syarikat/Organisasi bernama:

\_\_\_\_\_

adalah merupakan: \_\_\_\_\_

Individu/Syarikat/Organisasi di atas terlibat dalam/ada membuat permohonan

\_\_\_\_\_ dan Saya (kaitannya dengan proses kerja pegawai/kakitangan di RELA):

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Saya dengan ini memohon agar dikecualikan daripada terlibat dalam apa-apa proses kerja yang berkaitan dengan permohonan atau urusan di atas. Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan betul.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

No. K/P : \_\_\_\_\_

Tarikh :



## BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

Saya **Timah binti Malik** No. K/P: **770310-08-6554** dengan ini mengisytiharkan bahawasanya saya mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung dalam proses kerja atau perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan kepentingan dengan tugas-tugas saya sebagai pegawai/kakitangan RELA. Butir-butir proses kerja atau perkara berkenaan dinyatakan seperti berikut:

Individu/Syarikat/Organisasi bernama: **Syarikat Berjaya Sdn. Bhd** adalah merupakan: **syarikat yang dimiliki oleh suami saya.**

Individu/Syarikat/Organisasi di atas terlibat dalam/ada membuat permohonan **memasuki sebut harga membekal peralatan pejabat di Ibu Pejabat RELA no. sebut harga RELA/SH/023/04(34)** dan Saya (kaitannya dengan proses kerja pegawai/kakitangan di RELA): **adalah urus setia yang menguruskan sebut harga di Ibu Pejabat RELA.**

Saya dengan ini memohon agar dikecualikan daripada terlibat dalam apa-apa proses kerja yang berkaitan dengan permohonan atau urusan di atas. Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan betul.

Tandatangan : ***Timah***  
Nama : **Timah binti Malik**  
No. K/P : **770310-08-6554**  
Tarikh : **7 September 2022**